

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Kepada Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini adalah untuk memberikan anda beberapa maklumat mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan lain yang telah membaca LPP ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga digalakkan membacanya.



Tarikh:

1 Apakah Multi PA-Protector?

Polisi ini menyediakan pampasan dan pembayaran balik sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh kemalangan. Perlindungan di bawah polisi ini adalah sah 24/7 di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, ia mengecualikan pekerjaan tertentu yang dirujuk — melainkan orang yang diinsuranskan tidak menjalankan tugas berkaitan dengan pekerjaan tersebut pada masa kejadian.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan premium tahunan sebanyak **RM310**, seorang lelaki berumur 30 tahun dalam Kelas Pekerja 3 yang memilih Pelan MP1 – RM50,000 akan menerima **perlindungan** berikut:

Polisi ini meliputi :	Polisi ini tidak termasuk :
- Kematian & Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan – RM50,000 - Kewajipan Kewangan – RM10,000 - Elaun Perkabungan – RM3,000 - Perbelanjaan Penghantaran Pulang (Luar Negara) – RM5,000 - Perbelanjaan Perubatan – RM3,000 termasuk Rawatan Tradisional (maks RM50 setiap lawatan) – RM350 setiap kemalangan - Manfaat Pemulihan – RM1,000 - Manfaat Pendapatan Hospital (melebihi 5 hari) – RM75 (Pilihan) Manfaat Mingguan – Hilang Upaya Menyeluruh Sementara (seminggu) – RM50 setiap minggu, sehingga maksimum 52 minggu - Liabiliti Peribadi – RM50,000 Nota untuk Manfaat 1: 75% daripada Kematian & Hilang Upaya Kekal - RM37,500 akan dibayar jika kematian akibat kemalangan atau hilang upaya kekal akibat bermotosikal. Diskaun Tanpa Tuntutan: Diskaun sebanyak 10% ke atas premium sekiranya tiada tuntutan dibuat dalam tahun polisi sebelumnya. Jika tiada tuntutan dibuat selama dua tahun atau lebih secara berturut-turut, diskaun sebanyak 15% akan diberikan.	- Kecederaan yang disengajakan, bunuh diri atau percubaan membunuh diri, pendedahan secara sengaja kepada kecederaan, serangan provokasi, kehamilan atau kelahiran anak atau sebarang kecacatan atau kelemahan fizikal yang sedia ada. - Orang yang diinsuranskan buat sementara waktu atau sebaliknya tidak siaman atau fikiran yang tidak stabil atau di bawah pengaruh dadah atau alkohol atau kerana tidak boleh menguasai diri. - Peperangan, tindakan pencerobohan musuh asing, permusuhan, perang saudara, pemberontakan, revolusi, pemberontakan tentera atau rampasan kuasa undang-undang tentera. - Melibatkan diri atau mengambil bahagian dalam perkhidmatan atau operasi tentera udara atau tentera laut atau menyertai operasi yang dirancang atau dijalankan oleh pihak berkuasa awam atau tentera. - Sebarang bentuk keganasan. Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

Dengan bayaran premium tambahan sebanyak **RM15**, anda boleh memperluaskan perlindungan untuk merangkumi:

Perlindungan Untuk Kanak-kanak: (Untuk seorang Kanak-kanak)

- Kematian & Hilang Upaya Kekal – **RM20,000**

- Manfaat Perubatan – **RM3,000** termasuk Rawatan Tradisional (maks RM50 setiap lawatan) – **RM350 setiap kemalangan**
- Perkabungan – **RM3,000**

Tempoh perlindungan adalah selama 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai polisi insurans kemalangan diri anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1300 13 2121 atau
+603 3007 2121



Layari laman web
kami di:
[Multi PA-Protector |
Generali Malaysia](#)



E-mel kami di:
customer.service.qi@generali.com.my



Imbas kod
QR
di atas

Maklumat BNMLINK untuk aduan / pertanyaan:

Tingkat 4, Podium Bangunan
AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465
(Luar Negara: +603 2174 1717)
Laman Web BNMLINK:
bnm.gov.my/BNMLINK

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi insurans kemalangan diri ini, anda mesti membayar premium sebanyak:

Perlindungan Standard	RM310 (tahunan)
Perlindungan Tambahan	RM15

Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah **RM325**

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Duti setem	RM10
Komisen (Hanya terpakai jika produk dijual melalui pengantara)	25% daripada premium atau RM81.25
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM26.00

Kebolegunaan duti setem dan cukai perkhidmatan yang digunakan, atau sebarang cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa.

4 Terma Utama Lain

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang cadangan.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting yang anda tahu atau patut tahu, termasuk aktiviti peribadi yang boleh mempengaruhi profil risiko.
- **Tuntutan:** Anda mesti menyerahkan tuntutan anda dengan semua maklumat dan dokumen sokongan kepada kami dan memberi kerjasama penuh kepada kami untuk menilai tuntutan anda.
- **Individu yang Layak:**
 - Orang yang diinsuranskan yang berumur antara 16 hingga 65 tahun, dengan polisi boleh diperbaharui sehingga umur 70 tahun.
 - Kanak-kanak yang berumur antara 1 bulan hingga 18 tahun, had umur maksimum dilanjutkan sehingga 23 tahun sekiranya mereka merupakan jika pelajar sepenuh masa.
- **Tunai Sebelum Perlindungan:** Premium penuh mesti dibayar kepada kami atau pengantara kami yang sah sebelum tarikh kuat kuasa polisi.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.



Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Jika tiada tuntutan dibuat, sebarang bayaran balik selepas pembatalan adalah tertakluk kepada terma & syarat dalam polisi.